

**Najib: F1 Bukti Kestabilan Dan Kemajuan Malaysia
Bernama
23 Mac, 2013**

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata keupayaan Malaysia menganjurkan perlumbaan berprestij Formula One (F1) Petronas Grand Prix Malaysia 2013 membuktikan kestabilan dan kemajuan negara.

"Malaysia mengalu-alukan peminat dari seluruh dunia untuk menyaksikan F1. Acara global yang menjadi penanda aras mencerminkan kestabilan dan kemajuan Malaysia," kata Perdana Menteri dalam Twitter beliau Jumaat.

Beliau mengalu-alukan ketibaan semua pelumba pada acara Grand Prix yang diadakan di Litar Sepang.

Antara nama besar yang menyertai perlumbaan tiga hari yang bermula Jumaat ialah Mark Webber daripada Infiniti Red Bull, Kimi Raikkonen (Lotus F1 Team), Sebastian Vettel (Red Bull) dan Fernando Alonso (Scuderia Ferrari).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936722>